

02 MAR 1999

MAHATHIR-PUASHATI

MAHATHIR PUASHATI DENGAN HASIL SIDANG KEMUNCAK D-8

DHAKA, 2 Mac (Bernama) -- Kumpulan lapan negara membangun Islam (D-8) mesti membuat susulan terhadap projek-projek yang dikenal pasti di sidang kemuncak dua hari untuk menjadikannya sebuah perkumpulan berorientasikan projek, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menyatakan rasa puas hatinya dengan hasil sidang itu, Perdana Menteri berkata negara-negara D-8 mesti berikhtiar untuk melibatkan diri dalam takaful and takaful semula, satu projek yang diselaraskan oleh Malaysia.

"Kini terdapat kemajuan dalam projek-projek yang dikenal pasti sejak sidang lepas pada Jun 1997 di Istanbul (dan) saya berharap untuk bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin D-8 lain untuk tujuan itu," katanya kepada satu sidang media selepas sidang itu yang dibuka Isnin oleh Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina.

Sidang kemuncak akan datang yang diadakan setiap dua tahun akan diadakan di Kaherah, Mesir pada 2001.

Di sidang media yang dihadiri oleh lebih 100 wartawan, terutamanya dari benua kecil India dan Asia Barat, Dr Mahathir ditanya mengenai berbagai isu daripada isu bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, kawalan matawang dan jumlah berapa banyak beliau telah mengerjakan haji.

Apabila ditanya mengenai jawapan dari surat beliau baru-baru ini kepada pemimpin-pemimpin Kumpulan Tujuh Negara Perindustrian (G-7) bagi menggesa mereka memasukkan negara-negara membangun dalam cadangan mereka untuk mengadakan satu forum kestabilan kewangan, Dr Mahathir berkata: "Tiada jawapan, mereka telah mengeneplikannya.

Beliau berkata negara-negara membangun, mungkin menerusi Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15), sepatutnya mempunyai suara dalam pembentukan sebarang arkitektur kewangan.

Jika tidak, kepentingan negara-negara membangun tidak akan diambil kira "dengan peraturan-peraturan yang memberi faedah kepada mereka dan bukan kita," katanya.

Sebarang langkah yang diambil sepatutnya untuk kemajuan seluruh dunia dan bukan hanya negara-negara kaya.

Mengenai samada penetapan ringgit kepada dolar AS pada RM3.80 adalah di bawah nilai sebenar, beliau berkata matawang Malaysia berada di bawah nilai berbanding matawang beberapa negara jiran.

"Tetapi ia tidak memberi kesan negatif kepada Malaysia, ia menjadikan kami lebih berdaya saing, kami rasa nilai sekarang adalah tepat," katanya.

Mengenai kritikan bahawa kawalan tukaran terpilih Malaysia mungkin hanya memberi faedah pada jangka pendek, tetapi membahayakan pada jangka panjang, beliau merujuk kepada China di mana kawalan tukarannya memberi kesan baik bagi negara itu walaupun ia telah diadakan sekian lama.

Dengan kawalan itu, China maju dengan amat pantas dan dengan amat kukuh katanya dan menambah bahawa China kini menghadapi masalah bukan kerana kawalan tetapi kerana penyusutan nilai matawang-matawang lain di rantau ini.

Ini telah memberi kesan kepada daya saingnya tetapi "China dapat mengawal matawangnya, ia boleh menilai semula untuk menjadikannya berdaya saing tetapi Beijing telah berjanji untuk tidak menilai semula yuan," katanya.

"Kawalan tukaran boleh mengambil masa yang panjang, ia tidak membahayakan matawang atau ekonomi," katanya.

Beliau berkata ekonomi-ekonomi harimau di Asia Timur kini menghadapi kemasyghulan dengan matawang-matawang mereka disusut nilai dengan ketara kerana kekurangan kawalan.

Mengenai cadangan bagi mengadakan matawang tunggal yang diura-urakan oleh Asean, beliau berkata tidak seperti euro, kumpulan itu membincangkan cara bagaimana untuk menggunakan matawang bersama seperti yen dalam perdagangan dan bukan matawang matawang tunggal kerana ekonomi-ekonomi Asia Tenggara adalah amat kompleks.

Mengenai cadangan bahawa negara-negara seperti Singapura kurang menerima kesan dari krisis matawang kerana mempunyai ketelusan dan kurangnya amalan rasuah, Dr Mahathir berkata ia tidak kena-mengena dengan ketelusan.

"Jika anda mempunyai awang, mereka (spekulator matawang) akan datang dan menyerang anda, ia tidak ada kena-mengena dengan kebersihan atau tidak bersih.

"Singapura-pun telah diserang di mana ia tidak sekaya sebelumnya dengan ekonomi pulau republik itu dijangka mencatat penguncupan tahun ini," katanya.

Apabila ditanya berapa kali beliau mengerjakan haji, Dr Mahathir berkata beliau mengerjakan haji sekali, tetapi ummar "berkali-kali".

Perdana Menteri juga berkata hubungan antara Malaysia dan Arab Saudi adalah baik dengan perbincangan mengenai hal-ehwal dua hala sentiasa diadakan.

Apabila ditanya samada beliau akan mengundurkan diri dari politik, Dr Mahathir berkata beliau tidak akan lari dari tugas yang yang perlu dilakukan, terutamanya dalam memulihkan ekonomi dari kelembapan semasa.

"Suka atau tidak, Perdana Menteri terpaksa melakukan tugas itu, tetapi saya akan berhenti apabila masanya tiba," katanya dan di sambut oleh gelak ketawa wartawan.

-- BERNAMA

MR MFJ JR